



30 September 2025  
30 September 2025  
P.U. (A) 345

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN  
(PINDAAN) (NO. 3) 2025

*FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 3) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2026.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “spirit” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “minuman spirit” kecuali dalam subperaturan 361(1).

**Pindaan peraturan 361**

3. Peraturan 361 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (1)—

(a) dengan menggantikan perkataan “2 peratus” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “0.5 peratus”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “peraturan 362 hingga 384” dengan perkataan “peraturan 362 hingga 384B”.

**Pindaan peraturan 362**

4. Peraturan 362 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “jus anggur atau jus anggur dan lain-lain bahagian anggur atau hasil bancuhan jus anggur pekat dengan air minuman atau kombinasinya” dengan perkataan “anggur segar, sama ada dihancurkan atau tidak, atau musta anggur”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “15 peratus” dengan perkataan “24 peratus”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Musta anggur hendaklah hasil cecair yang diperolehi semula jadi atau secara proses fizikal daripada anggur segar yang mengandungi tidak lebih daripada 1 peratus alkohol.”;

(b) dalam subperaturan (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “urea dan”;
- (ii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “oksigen;” perkataan “dan”;
- (iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
- (iv) dengan memotong perenggan (e);

(c) dengan memotong subperaturan (3);

(d) dengan menggantikan subperaturan (5) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain boleh dilabel dengan perkataan “sparkling” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika karbon dioksida dalam wain itu wujud secara semula jadi semata-mata oleh sebab penapaian.”;

- (e) dengan menggantikan subperaturan (6) dengan subperaturan yang berikut:

“(6) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi sparkling wine boleh dilabel dengan perkataan “champagne” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika sparkling wine itu dihasilkan mengikut cara penapaian tradisional dalam botol.”; dan

- (f) dengan memasukkan selepas subperaturan (6) subperaturan yang berikut:

“(7) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain boleh dilabel dengan perkataan “icewine” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika wain itu telah dihasilkan secara eksklusif daripada anggur yang beku secara semula jadi pada pokok anggur.”.

### **Pindaan peraturan 363**

5. Peraturan 363 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Wain koktel, vermouth, wain aperitif atau wain beraroma.”;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“**Wine cocktail, vermouth, aperitif wine or aromatized wine**”;

- (c) dengan menggantikan perkataan “wain koktel, vermouth atau wain aperitif” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “wain koktel, vermouth, wain aperitif atau wain beraroma”;
- (d) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “20 peratus” dengan perkataan “22 peratus”; dan
- (e) dengan memotong subperaturan (3).

#### **Pindaan peraturan 364**

6. Peraturan 364 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Wain berkarbonat.”;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“**Carbonated wine**”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan “Wain berudara” dengan perkataan “Wain berkarbonat”.

#### **Pindaan peraturan 365**

7. Peraturan 365 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “jus anggur atau jus anggur dan lain-lain bahagian anggur atau hasil bancuhan jus anggur pekat dengan air minuman atau kombinasinya” dengan perkataan “anggur segar, sama ada dihancurkan atau tidak, atau musta anggur”.

**Pindaan peraturan 366**

8. Peraturan 366 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “jus anggur atau jus anggur dan lain-lain bahagian anggur atau hasil bancuhan jus anggur pekat dengan air minuman atau kombinasinya” dengan perkataan “anggur segar, sama ada dihancurkan atau tidak, atau musta anggur”.

**Pindaan peraturan 367**

9. Peraturan 367 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Wain buah boleh mengandungi—

(a) yis;

(b) fruktosa, glukosa, sirap glukosa, gula;

(c) karbon dioksida, nitrogen, oksigen; dan

(d) keasidan meruap dihitung sebagai asid asetik, tidak termasuk asid pengawet, dalam kadar tidak melebihi 1.2g setiap liter.”;

(b) dengan memotong subperaturan (3); dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain buah boleh dilabel dengan perkataan “sparkling” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika karbon dioksida dalam wain buah itu wujud secara semula jadi semata-mata oleh sebab penapaian.”.

**Pindaan peraturan 372**

10. Peraturan 372 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(i), dengan memotong perkataan “urea dan”;
- (b) dengan memotong subperaturan (3); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain sayur boleh dilabel dengan perkataan “sparkling” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika karbon dioksida dalam wain sayur itu wujud secara semula jadi semata-mata oleh sebab penapaian.”.

**Pindaan Peraturan 373**

11. Peraturan 373 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(i), dengan memotong perkataan “dan urea”;
- (b) dengan memotong subperaturan (3); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain madu atau mid boleh dilabel dengan perkataan “wain” melainkan jika perkataan “madu” digabungkan dalam penghurufan yang sama yang tidak kurang daripada 10 poin dengan perkataan “wain”.

(5) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain madu atau mid boleh dilabel dengan perkataan “sparkling” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika karbon dioksida dalam wain madu atau mid itu wujud secara semula jadi semata-mata oleh sebab penapaian.”.

**Pindaan peraturan 374**

12. Subperaturan 374(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “karamel sebagai bahan pewarna, asid askorbik dan tidak lebih daripada 25mg/kg sulfur dioksida atau sulfit sebagai kondisioner makanan yang dibenarkan” dengan perkataan “bahan perisa yang dibenarkan”.

**Pindaan peraturan 375**

13. Peraturan 375 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “dan bijian lain” dengan perkataan “dengan atau tanpa bijian lain”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “12 peratus” dengan perkataan “3 peratus”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Wain beras boleh mengandungi—

(a) buah-buahan atau sayur-sayuran tidak berbahaya, atau jus atau ekstraknya;

(b) gula; dan

(c) bahan perisa yang dibenarkan.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Tiada suatu bungkusan yang mengandungi wain beras boleh dilabel dengan perkataan “sparkling” atau apa-apa perkataan yang sama ertinya melainkan jika karbon dioksida dalam wain beras itu wujud secara semula jadi semata-mata oleh sebab penapaian.”.

#### **Penggantian peraturan 376**

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 376 dengan peraturan yang berikut:

“Tuak. 376. (1) Tuak hendaklah hasil yang diperolehi daripada penapaian beralkohol nira pokok kelapa, pokok kurma atau apa-apa jenis pokok palma yang lain.

(2) Tuak hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 7 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.”.

#### **Penggantian peraturan 377**

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 377 dengan peraturan yang berikut:

“Minuman 377. (1) Minuman spirit hendaklah penyulingan sama ada spirit. likuor atau penapaian beralkohol hasil pertanian dan standard bagi minuman spirit yang tertentu ditetapkan dalam peraturan 378 hingga 384B.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam peraturan 378 hingga 384B, minuman spirit hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 32.5 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.”.

**Pindaan peraturan 378**

16. Peraturan 378 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 35 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol; dan”; dan

(b) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan “dan karamel sebagai bahan pewarna.”.

**Pindaan peraturan 380**

17. Peraturan 380 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Rum boleh mengandungi—

(a) buah atau mana-mana bahan botani yang lain;

(b) bahan pemanis yang dibenarkan; atau

(c) bahan perisa yang dibenarkan.”.

**Pindaan peraturan 381**

18. Subperaturan 381(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “karamel sebagai bahan pewarna dan”.

**Penggantian peraturan 382**

19. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 382 dengan peraturan yang berikut:

“Vodka. 382. (1) Vodka hendaklah minuman spirit yang dihasilkan dengan penyulingan penapaian beralkohol sumber karbohidrat seperti ubi kentang dan bijirin.

(2) Vodka hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 37 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.

(3) Vodka boleh mengandungi bahan pemanis yang dibenarkan.

(4) Vodka berperisa hendaklah vodka yang telah ditambah bahan perisa yang dibenarkan dan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 30 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.

(5) Suatu bungkusan yang mengandungi vodka berperisa hendaklah dilabel dengan perkataan “vodka berperisa”.

### **Pindaan peraturan 383**

20. Peraturan 383 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “35 peratus” dengan perkataan “37 peratus”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Gin boleh mengandungi bahan perisa yang dibenarkan.”.

### **Penggantian peraturan 384**

21. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 384 dengan peraturan yang berikut:

“Samsu. 384. (1) Samsu hendaklah minuman spirit yang dihasilkan dengan menyuling lecekan beras, sekoi atau bijian lain, molases, tuber atau bahan-bahan berkanji yang telah ditapai dan Samsu hendaklah termasuk Shochu, Soju dan Sam Cheng.

(2) Samsu hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 35 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Shochu, Soju dan Sam Cheng hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 10 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.

(4) Samsu boleh mengandungi bahan perisa yang dibenarkan.”.

#### **Peraturan baharu 384A dan 384B**

22. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 384 peraturan yang berikut:

“Tequila. 384A. (1) Tequila hendaklah minuman spirit yang dihasilkan daripada spesis tumbuh-tumbuhan yang dikenali sebagai *Agave tequilana weber blue variety*.

(2) Tequila hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 35 peratus dan tidak lebih daripada 55 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.

(3) Suatu bungkusan yang mengandungi Tequila hendaklah dilabelkan mengikut kelas atau kategori yang diberikan kepada Tequila itu di negara yang Tequila itu dihasilkan.

Mezcal. 384B. (1) Mezcal hendaklah minuman spirit yang dihasilkan daripada 100 peratus mana-mana spesies *Agave*.

(2) Mezcal hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 35 peratus dan tidak lebih daripada 55 peratus isi padu bagi setiap isi padu alkohol.

(3) Suatu bungkusan yang mengandungi Mezcal hendaklah dilabelkan mengikut kelas atau kategori yang diberikan kepada Mezcal itu di negara yang Mezcal itu dihasilkan.”.

### **Pindaan peraturan 386**

23. Peraturan 386 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “bahan-bahan sayuran tak berbahaya itu” perkataan “dan hendaklah termasuk sloe gin”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “17 peratus” dengan perkataan “15 peratus”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “bahan pewarna yang dibenarkan dan”.

### **Pindaan peraturan 386A**

24. Perenggan 386A(1)(d) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “384” dengan perkataan “384B”.

**Pindaan peraturan 387**

25. Peraturan 387 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Syandi boleh mengandungi bahan perisa yang dibenarkan.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Standard am bagi minuman beralkohol yang dinyatakan dalam subperaturan 361(2), (2A), (3), (4), (5), (5A), (7) dan (8) hendaklah terpakai bagi syandi.”; dan

(c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Suatu bungkusan yang mengandungi syandi hendaklah dilabel dengan perkataan “syandi”.”.

**Pindaan Jadual Keenam**

26. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Keenam, dalam Daftar I, dengan memotong butiran “Wain, wain koktel, wain berudara, dry wine, wain manis, wain buah tidak termasuk sider dan peri, wain sayur, wain madu, wain beras dan todi” dan butir-butir yang berhubungan dengannya.

**Pindaan Jadual Kesepuluh**

27. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Kesepuluh, dalam Daftar I, dengan memotong butiran “Wain” dan butir-butir yang berhubungan dengannya.

**Pindaan Jadual Kesebelas**

28. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Kesebelas, dalam Daftar II—

- (a) dengan memotong butiran “Bir” dan butir-butir yang berhubungan dengannya; dan
- (b) dengan memotong butiran “Wain, wain berudara, dry wine, wain manis, wain buah, wain sayur dan wain madu” dan butir-butir yang berhubungan dengannya.

Dibuat 23 September 2025  
[KKM.600-1/1/35;PN(PU2)418/JLD.30]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Menteri Kesihatan*

## FOOD ACT 1983

## FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Food (Amendment) (No. 3) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2026.

**General amendment**

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for the word “spirit” wherever appearing the words “spirit drink” except in subregulation 361(1).

**Amendment of regulation 361**

3. Regulation 361 of the principal Regulations is amended in subregulation (1)—

(a) by substituting for the words “2 per cent” wherever appearing the words “0.5 per cent”; and

(b) by substituting for the words “regulations 362 to 384” the words “regulations 362 to 384B”.

**Amendment of regulation 362**

4. Regulation 362 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

- (i) by substituting for the words “grape juice or grape juice and other portions of grapes or the reconstituted product of concentrated grape juice and potable water or a combination of these” the words “fresh grapes, whether crushed or not, or grape must”;
- (ii) by substituting for the words “15 per cent” the words “24 per cent”;  
and
- (iii) by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) Grape must shall be the liquid product obtained naturally or by physical processes from fresh grapes which has not more than 1 per cent of alcohol.”;

(b) in subregulation (2)—

- (i) in paragraph (a), by deleting the words “urea and”;
- (ii) in paragraph (c), by inserting after the words “oxygen;” the word “and”;
- (iii) in paragraph (d), by substituting for the words “; and” at the end of the paragraph a full stop; and
- (iv) by deleting paragraph (e);

(c) by deleting subregulation (3);

(d) by substituting for subregulation (5) the following subregulation:

“(5) No package containing wine shall be labelled with the word “sparkling” or any word of similar meaning unless the carbon dioxide in the wine exists naturally solely due to fermentation.”;

(e) by substituting for subregulation (6) the following subregulation:

“(6) No package containing sparkling wine shall be labelled with the word “champagne” or any word of similar meaning unless the sparkling wine is produced in accordance with the traditional method of fermentation in the bottle.”; and

(f) by inserting after subregulation (6) the following subregulation:

“(7) No package containing wine shall be labelled with the word “icewine” or any word of similar meaning unless the wine has been produced exclusively from grapes naturally frozen on the vine.”.

### **Amendment of regulation 363**

5. Regulation 363 of the principal Regulations is amended—

(a) in the national language text, by substituting for the marginal note the following marginal note:

“Wain koktel, vermouth, wain aperitif atau wain beraroma.”;

(b) in the English language text, by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

“**Wine cocktail, vermouth, aperitif wine or aromatized wine**”;

(c) by substituting for the words “wine cocktail, vermouth or wine aperitif” wherever appearing the words “wine cocktail, vermouth, aperitif wine or aromatized wine”;

(d) in paragraph (2)(a), by substituting for the words “20 per cent” the words “22 per cent”; and

(e) by deleting subregulation (3).

**Amendment of regulation 364**

6. Regulation 364 of the principal Regulations is amended—

(a) in the national language text, by substituting for the marginal note the following marginal note:

“Wain berkarbonat.”;

(b) in the English language text, by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

“**Carbonated wine**”; and

(c) by substituting for the words “Aerated wine” the words “Carbonated wine”.

**Amendment of regulation 365**

7. Regulation 365 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “grape juice or grape juice and other portion of grapes or the reconstituted product of concentrated grape juice and potable water or a combination of these” the words “fresh grapes, whether crushed or not, or grape must”.

**Amendment of regulation 366**

8. Regulation 366 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “grape juice or grape juice and other portions of grapes or the reconstituted product of concentrated grape juice and potable water or a combination of these” the words “fresh grapes, whether crushed or not, or grape must”.

**Amendment of regulation 367**

9. Regulation 367 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Fruit wine may contain—

(a) yeast;

(b) fructose, glucose, glucose syrup, sugar;

(c) carbon dioxide, nitrogen, oxygen; and

(d) volatile acidity calculated as acetic acid, not including preservative acids, in a proportion not exceeding 1.2g per litre.”;

(b) by deleting subregulation (3); and

(c) by inserting after subregulation (4) the following subregulation:

“(5) No package containing fruit wine shall be labelled with the word “sparkling” or any word of similar meaning unless the carbon dioxide in the fruit wine exists naturally solely due to fermentation.”.

**Amendment of regulation 372**

10. Regulation 372 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (2)(i), by deleting the words “urea and”;

(b) by deleting subregulation (3); and

(c) by inserting after subregulation (4) the following subregulation:

“(5) No package containing vegetable wine shall be labelled with the word “sparkling” or any word of similar meaning unless the carbon dioxide in the vegetable wine exists naturally solely due to fermentation.”.

**Amendment of regulation 373**

11. Regulation 373 of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraph (2)(i), by deleting the words “urea and”;
- (b) by deleting subregulation (3); and
- (c) by inserting after subregulation (3) the following subregulations:

“(4) No package containing honey wine or mead shall be labelled with the word “wine” unless the word “honey” is conjoined in uniform lettering of not less than 10 point with the word “wine”.

(5) No package containing honey wine or mead shall be labelled with the word “sparkling” or any word of similar meaning unless the carbon dioxide in the honey wine or mead exists naturally solely due to fermentation.”.

**Amendment of regulation 374**

12. Subregulation 374(3) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “caramel as a colouring substance, ascorbic acid and not more than 25mg/kg of sulphur dioxide or sulphite as permitted food conditioner” the words “a permitted flavouring substance”.

**Amendment of regulation 375**

13. Regulation 375 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1)—

- (i) by substituting for the words “and other grain” the words “with or without other grain”; and
  - (ii) by substituting for the words “12 per cent” the words “3 per cent”;
- (b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Rice wine may contain—

(a) harmless fruit or vegetable, or its juice or extract;

(b) sugar; and

(c) a permitted flavouring substance.”; and

- (c) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) No package containing rice wine shall be labelled with the word “sparkling” or any word of similar meaning unless the carbon dioxide in the rice wine exists naturally solely due to fermentation.”.

### **Substitution of regulation 376**

14. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 376 the following regulation:

#### **“Toddy**

376. (1) Toddy shall be the product obtained from alcoholic fermentation of the sap of the coconut tree, date tree or any other kind of palm tree.

(2) Toddy shall contain not less than 7 per cent volume per volume of alcohol.”.

**Substitution of regulation 377**

15. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 377 the following regulation:

**“Spirit drink**

377. (1) Spirit drink shall be distillation of either liquor or alcoholic fermentation of agricultural products and the standards of certain spirit drinks are prescribed in regulations 378 to 384B.

(2) Unless otherwise provided for in regulations 378 to 384B, a spirit drink shall contain not less than 32.5 per cent volume per volume of alcohol.”.

**Amendment of regulation 378**

16. Regulation 378 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (2), by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) shall contain not less than 35 per cent volume per volume of alcohol; and”; and

(b) in subregulation (3), by deleting the words “and caramel as a colouring substance.”.

**Amendment of regulation 380**

17. Regulation 380 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Rum may contain—

(a) fruit or any other botanical substance;

(b) a permitted sweetening substance; or

(c) a permitted flavouring substance.”.

**Amendment of regulation 381**

18. Subregulation 381(2) of the principal Regulations is amended by deleting the words “caramel as a colouring substance and”.

**Substitution of regulation 382**

19. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 382 the following regulation:

**“Vodka**

382. (1) Vodka shall be the spirit drink produced by the distillation of alcoholic fermentation of carbohydrate sources such as potatoes and cereals.

(2) Vodka shall contain not less than 37 per cent volume per volume of alcohol.

(3) Vodka may contain a permitted sweetening substance.

(4) Flavoured vodka shall be vodka to which a permitted flavouring substance has been added and shall contain not less than 30 per cent volume per volume of alcohol.

(5) A package containing flavoured vodka shall be labelled with the words “flavoured vodka”.

**Amendment of regulation 383**

20. Regulation 383 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (2)(a), by substituting for the words “35 per cent” the words “37 per cent”; and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Gin may contain a permitted flavouring substance.”.

#### **Substitution of regulation 384**

21. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 384 the following regulation:

##### **“Samsu**

384. (1) Samsu shall be the spirit drink produced by distilling a fermented mash of rice, sorghum or other grain, molasses, tuber or starchy materials and Samsu shall include Shochu, Soju and Sam Cheng.

(2) Samsu shall contain not less than 35 per cent volume per volume of alcohol.

(3) Notwithstanding subregulation (2), Shochu, Soju and Sam Cheng shall contain not less than 10 per cent volume per volume of alcohol.

(4) Samsu may contain a permitted flavouring substance.”.

#### **New regulations 384A and 384B**

22. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 384 the following regulations:

##### **“Tequila**

384A. (1) Tequila shall be the spirit drink produced from a species of plant known as *Agave tequilana weber blue variety*.

(2) Tequila shall contain not less than 35 per cent and not more than 55 per cent volume per volume of alcohol.

(3) A package containing Tequila shall be labelled in accordance with the class or category as assigned to the Tequila in the country where the Tequila is produced.

### **Mezcal**

384B. (1) Mezcal shall be the spirit drink produced from 100 per cent of any species of Agave.

(2) Mezcal shall contain not less than 35 per cent and not more than 55 per cent volume per volume of alcohol.

(3) A package containing Mezcal shall be labelled in accordance with the class or category assigned to the Mezcal in the country where the Mezcal is produced.”.

### **Amendment of regulation 386**

23. Regulation 386 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by inserting after the words “such harmless vegetable substances” the words “and shall include sloe gin”; and

(ii) by substituting for the words “17 per cent” the words “15 per cent”; and

(b) in subregulation (2), by deleting the words “permitted colouring substance and”.

**Amendment of regulation 386A**

24. Paragraph 386A(1)(d) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “384” the word “384B”.

**Amendment of regulation 387**

25. Regulation 387 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Shandy may contain a permitted flavouring substance.”;

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) The general standard for alcoholic beverage specified in subregulations 361(2), (2A), (3), (4), (5), (5A), (7) and (8) shall apply to shandy.”; and

(c) by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) A package containing shandy shall be labelled with the word “shandy”.”.

**Amendment of Sixth Schedule**

26. The principal Regulations are amended in the Sixth Schedule, in Table I, by deleting the item “Wine, wine cocktail, aerated wine, dry wine, sweet wine, fruit wine excluding cider and perry, vegetable wine, honey wine, rice wine and toddy” and the particulars relating to it.

**Amendment of Tenth Schedule**

27. The principal Regulations are amended in the Tenth Schedule, in Table I, by deleting the item “Wine” and the particulars relating to it.

**Amendment of Eleventh Schedule**

28. The principal Regulations are amended in the Eleventh Schedule, in Table II—

- (a) by deleting the item “Beer” and the particulars relating to it; and
- (b) by deleting the item “Wine, aerated wine, dry wine, sweet wine, fruit wine, vegetable wine and honey wine” and the particulars relating to it.

Made 23 September 2025  
[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.30]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Minister of Health*